

UUM mara ke suku akhir

HM 18/5/05 51:3.

KEJOHANAN SUKAN STAF
UNIVERSITI UNIVERSITI
MALAYSIA KE-30

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) menewaskan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), 3-1 pada saingan bola sepak Kumpulan A, Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia ke-30, di padang Universiti Malaya, semalam.

UUM yang diperkuatkan kaptennya, Shuhaimi Ahmad mencatat kemenangan itu menerusi jaringan cantik Abdul Wahab Din pada m-3.

Tersentak dengan jaringan itu KUKUM pantas menyamakan kedudukan menerusi jaringan Mohd Zaki Ghazali m-13 yang bijak menghidu peluang.

Pemain tonggak UUM, Shafari Rejab meletakkan pasukannya di depan menerusi jaringan pada minit ke-27. Bagaimanapun, Othman Putih berjaya meletakkan nama dalam senarai penjaring sekali gus memastikan kemenangan mutlak pasukan.

berikutan kemenangan itu, UUM menanti pemenang di antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan bakal menentang tuan rumah Universiti Malaya pada peringkat suku akhir.

Sementara itu, dalam saingan kumpulan B, kejayaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menumpaskan Universiti Putra Malaysia (UPM), 3-0 memastikan tempat ke peringkat suku akhir serta menanti pemenang antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti



ASAK... Pemain UUM (tengah) mengelecek pemain KUKUM semasa kejohanan bola sepak Antara Kakitangan Universiti Malaysia di padang bola sepak Universiti Malaya, semalam. - Gambar HASAN ISMAIL

Sains Malaysia (USM) yang akan berentap di padang UM, hari ini.

Terdahulu, Universiti Sains Malaysia (USM) menewaskan Universiti Sarawak (UNIMAS), 5-0 pada saingan kumpulan C. UM pula mencatat keputusan seri 1-1 menentang Universiti Teknologi Mara (UTM).

Saingan acara sepak takraw menyaksikan UPM menewaskan KUTKM, 3-0, mana-

KEPUTUSAN SEMALAM

Bola Sepak

Veteran - UKM 3 KUKUM 0, UiTM 3 UPM 0, UM 1 UTM 1, UPSI 2 UIAM 0, UNIMAS 0 USM 5, UUM 3 KUKUM 1

Sepak Takraw - UPM 3 KUTKM 0, USM 2 UM 1, KUKUM 0 KUITTHO 3, UiTM 0 USM 3, UiTM 3 KUTKM 0, UPM 2 USM 1

Bola Tampar - Lelaki UMS 2 UM 0, UKM 2 UTM 0, UMS 0 KUITTHO 2, UUM 2 UPM 0, KUSTEM 2 UIAM 0, UKM 2 UM 0, UMS 2 UTM 0

Wanita - UKM 2 UiTM 0, KUKTEM 0 KUKUM 0, UMS 2 KUIM 0

kala USM menyingkirkan tuan rumah, UM 2-1 pada saingan peringkat kumpulan semalam.

USM

menentang

KUITTHO manakala UPM berhadapan UKM pada saingan suku akhir manakala UTM dan UUM menanti di peringkat separuh akhir.